

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

---

**PERTANYAAN** : **BUKAN LISAN**

**DARIPADA** : **TUAN LIM GUAN ENG [ BAGAN ]**

**SOALAN**

**TUAN LIM GUAN ENG [ BAGAN ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kedudukan Pejabat **TH** Butterworth sejak ia dibuka semula dan apakah perbezaan di antara dahulu dan sekarang, khususnya skala dan bilangan pekerja sama ada dikurangkan dan sebabnya.

**JAWAPAN** : **(MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI )**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Pejabat **TH** Butterworth yang telah ditangguhkan operasinya pada 22 Mac 2020 telah dibuka semula pada 1 September 2020 seperti beberapa pejabat lain yang telah ditangguhkan operasinya sejak PKP dikuatkuasakan. Pejabat **TH** Butterworth adalah pejabat Gred 3 berdasarkan trafik transaksi dan faktor-faktor lain, di mana keanggotaan optimum yang diperlukan adalah empat (4) hingga lima (5) orang sahaja. Tiada perubahan kepada gred pejabat ini dahulu dan sekarang.

Sehubungan itu, **TH** komited untuk terus memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada penduduk di kawasan Butterworth demi menyantuni para pendeposit **TH** dan bakal-bakal jemaah haji di Butterworth.

Sekian. Terima kasih.